

Penerapan Nilai Murni dalam Mata Pelajaran Usul al-Din: Tinjauan Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 284-303
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 16 July 2025
Accepted: 17 August 2025
Published: 11 September 2025

[The Inculcation of Noble Values in the Subject of Usul al-Din: A Review of Implementation Issues and Challenges in Government-Aided Religious Schools]

Khairil Izuan Ibrahim^{1*}, Mohd Nizam Sahad¹ & Umar Muhammad Noor²

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA
E-mail: khairilizuan@student.usm.my; nizamsahad@usm.my

2 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA
E-mail: umarmnoor@ums.edu.my

*Corresponding Author: khairilizuan@student.usm.my

Abstrak

Penerapan nilai murni (NM) secara merentas kurikulum merupakan prinsip penting dalam semua mata pelajaran, termasuk Usul al-Din. Namun, kejatuhan nilai dalam kalangan pelajar masa kini agak membimbangkan, terutama yang melibatkan pelajar sekolah agama. Bagi meneliti hal tersebut, satu kajian awal telah dilakukan untuk mengetahui isu yang timbul sama ada berpunca dari konteks kompetensi guru, kemudahan infrastruktur, penggunaan Bahasa Arab, atau penghayatan pelajar itu sendiri. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti pengaruh utama penghayatan NM pelajar yang perlu diberikan perhatian. Reka bentuk kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Sampel kajian melibatkan 34 orang guru yang mengajar mata pelajaran Usul al-Din, Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di beberapa buah Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Data dianalisis secara deskriptif dengan menumpukan kepada nilai kekerapan dan peratusan. Hasil tinjauan guru menunjukkan semua guru kurang diberikan pendedahan secara komprehensif mengenai pendidikan NM (100%), NM dalam buku teks Usul al-Din perlu diklasifikasikan secara eksplisit (97%), infrastruktur perlu ditambahbaik (90.9%), penggunaan Bahasa Arab berkaitan NM dalam buku teks kurang sesuai (84.8%) dan kelemahan NM pelajar dalam amalan seharian (84.4%). Kesimpulannya, isu dan cabaran yang timbul dari pelbagai faktor ini boleh menjejaskan usaha kerajaan dalam menghasilkan pelajar yang seimbang. Implikasi dari dapatan ini sangat penting kepada pemegang taruh bagi menjalankan kajian lanjutan dan merangka perancangan yang lebih sistematik.

Kata kunci: Nilai Murni, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan, Usul al-Din

Abstract

The inculcation of moral values (MV) across the curriculum is a fundamental principle in all subjects, including *Usul al-Din*. However, the decline of moral values among students today is a growing concern, particularly among students in religious schools. To explore this issue, a preliminary study was conducted to examine the underlying problems, whether they stem from teacher competency, infrastructure limitations, the use of Arabic language, or the students' own level of value internalisation. This study also aimed to identify the key factors influencing students' appreciation of MV that warrant focused attention. This research employed a quantitative design using a questionnaire

as its primary instrument. The sample comprised of 34 teachers who taught *Usul al-Din* under the Integrated Dini Curriculum (IDC) in several Government-Aided Religious Secondary Schools (GARS). The data were analysed descriptively, focusing on frequency and percentage distributions. Findings from the teacher survey indicated that all teachers (100%) lacked comprehensive exposure to NM education. Furthermore, 97% agreed that moral values in the *Usul al-Din* textbooks need to be more explicitly classified. In addition, 90.9% perceived the existing infrastructure as inadequate, 84.8% found the Arabic language used for moral values in the textbooks to be less appropriate, and 84.4% identified students' deficiency in appreciating and practicing moral values in their daily life. In conclusion, the issues and challenges arising from these various factors may hinder government efforts to produce well-rounded students. The implications of these findings are critical for stakeholders to conduct further investigation and develop more systematic and strategic interventions.

Keywords: Moral Values, Government-Aided Religious Secondary Schools, Usul al-Din



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Khairil Izuan Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Umar Muhammad Noor. (2025). Penerapan Nilai Murni dalam Mata Pelajaran Usul al-Din: Tinjauan Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan [The Inculcation of Noble Values in the Subject of Usul al-Din: A Review of Implementation Issues and Challenges in Government-Aided Religious Schools]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 284-303.

Pengenalan

Al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. menganjurkan pelbagai NM yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak mulia. Peranan NM dalam melahirkan masyarakat yang bertamadun amat signifikan dan tidak dapat dinafikan (Adlina Abdul Khalil & Mohamad Khairi Othman, 2020; Alias Azhar, 2013; Ikwan Lubis et al., 2021; Nasarudin Desa @ Man et al., 2018; Rosnijah Arolah, 2019). Keunggulan tamadun Islam terdahulu turut berpaksikan NM yang menjadi tunjang kemajuannya (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi & Muhammad Amirul Mohd Nor, 2020; Jessica, O.H.L. et al., 2020). NM ini disemai dalam masyarakat melalui institusi pendidikan, khususnya di peringkat sekolah (Adlina Abdul Khalil & Mohamad Khairi Othman, 2020; Nurazidawati Mohamad Arsad & Kamisah Osman, 2019; Khambali, 2020; Sapie Sabilan et al., 2018).

Selaras dengan itu, pendidikan Islam juga mempunyai tujuan dan hubungan yang sangat berkait rapat dengan NM (Zainab Ismail et al., 2019). Ini sebagaimana yang disebutkan dalam pernyataan berikut: *The first and highest goal of Islamic education is moral refinement and spiritual training, and all the teachers must be connected by the moral*” (Muhammad Zaim, 2019).

Syed Muhammad Naquib al-Attas turut menyatakan bahawa: *“The purpose of seeking knowledge and of education in Islam is to produce a good man... The emphasis on adab which includes ‘amal in education and the educational process is to ensure that ‘ilm is being put to good use in society.... The man of adab in the sense here explained as encompassing the spiritual and material life of man.. Education is what the Prophet, peace be upon him, meant*

by adab when he said: My Lord educated (addabani) me and made my education (ta'dib) most excellent”(1980).

Tambahan pula, matlamat mata pelajaran Usul al-Din adalah untuk menghasilkan pelajar yang berilmu, beriman, bertakwa, baik, penuh sopan dan mempunyai kecekapan serta kemahiran yang tinggi berpanduan kepada al-Quran dan Sunnah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh pelbagai pihak bagi memastikan pembentukan pelajar yang berperibadi mulia dapat direalisasikan (Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli et al., 2021; Abdul Aziz Rekan et al., 2016; Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don 2017). Sebagai contoh, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (2014) telah menetapkan 16 NM terpilih sebagai prinsip teras yang wajib diterapkan di sekolah. Dengan itu, semua mata pelajaran perlu menerapkan NM ini secara merentas kurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014b). Namun bagi pelajar yang beragama Islam, NM perlulah diterapkan secara langsung melalui mata pelajaran Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a). Ini menunjukkan keseriusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membangunkan karakter pelajar (Kamarudin Salleh, & Yang Marya Abd Khahar, 2016) sekaligus mencegah berlakunya perkara-perkara salah laku disiplin ketika dibangku sekolah lagi (Liana Mat Nayan et al., 2020).

Namun, corak peningkatan jenayah yang melibatkan remaja di Malaysia menunjukkan situasi yang membimbangkan apabila statistik terkini mencatatkan sebanyak 1,567 laporan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja bawah umur diterima oleh pihak polis sepanjang tahun 2023, meningkat sebanyak 26.5% berbanding tahun sebelumnya (Department of Statistics Malaysia [DOSM], 2024). Dalam tempoh 2018 hingga 2022, seramai 16,566 remaja berusia 16 hingga 18 tahun telah ditahan kerana terlibat dalam kes jenayah indeks seperti rompakan, pembunuhan, dan rogol, menandakan keterlibatan remaja dalam jenayah berat semakin serius (Yeo, B., 2024, 22 Ogos). Selain itu, negeri-negeri seperti Johor dan Pulau Pinang turut merekodkan peningkatan remaja terlibat dalam aktiviti jenayah dan sosial tidak bermoral, termasuk kes pengedaran dadah serta jenayah seksual, seperti mana yang dilaporkan oleh pihak berkuasa tempatan (Mohd Farhan Shah, 2023, 28 Nov; Sinar Daily, 2022, 20 Dis).

Tambahan pula, terdapat kes-kes salah laku yang melibatkan sekolah menengah agama (SMA) seperti kes buli di Machang pada tahun 2019. Ia melibatkan empat orang pelajar yang berusia 13 hingga 15 tahun (Nor Amalina Alias, 2020, 9 Januari). Kemudian, berlaku pula kes buli di sekolah agama di Pasir Puteh pada tahun yang sama yang melibatkan pelajar berusia 14 tahun. Polis telah menahan 10 orang pelajar daripada sekolah tersebut bagi menyiasat kes buli yang melibatkan rakan sekelas mereka (Mohd Zulkifli Zainuddin, 2019, 21 November). Selain itu, berlaku juga kes buli yang melibatkan pelajar tingkatan dua di SMA berasrama penuh di Nilai yang dipukul oleh pelajar senior. Tiga laporan polis telah dibuat atas dakwaan mereka dipukul oleh pelajar senior sehingga menyebabkan kecederaan di beberapa bahagian badan (Shuhada Abd Kadir, 2022, 15 Mei). Terbaru, satu rakaman video tular memaparkan seorang pelajar perempuan dibuli oleh sekumpulan rakan sekelas di tandas sekolah. Perbuatan tersebut telah menyebabkan siasatan pihak polis telah dilakukan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan (The Star, 2025, 21 Jun).

Perkara seperti ini amat tidak wajar berlaku memandangkan pelajar-pelajar sekolah agama telah melalui proses penerapan NM secara langsung di sekolah mereka. Mereka telah

menerima pendidikan Usul al-Din yang bukan sahaja bertujuan untuk penguasaan ilmu semata-mata, bahkan untuk dihayati nilainya dalam kehidupan mereka (Zainab Ismail et al, 2019). Persoalannya, bagaimana kes-kes jenayah yang bertentangan dengan NM yang diajar di sekolah, masih lagi berlaku dan membimbangkan. Benarkah pelajar yang melalui kurikulum baru seperti KBD yang sarat dengan elemen NM Islam masih tidak terlepas dari gejala kebejatan nilai. Oleh itu, satu kajian awal tentang kewujudan isu dan masalah berkaitan penerapan NM di kalangan pelajar SABK perlu dijalankan.


Maka dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui apakah gejala seperti itu timbul berpunca dari wujudnya isu-isu lain yang membabitkan kelemahan pendedahan NM dalam kalangan guru, buku teks yang dipersembahkan, penggunaan Bahasa Arab, kemudahan infrastruktur, kaedah penerapan NM dan penghayatan pelajarnya. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan NM dalam kalangan pelajar Usul al-Din. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan dapatan awal untuk mengenal pasti perancangan yang lebih sistematik dan kajian lanjutan bagi memastikan penerapan NM di SABK dapat ditambah baik dan dipantau kualitinya.

Metodologi

Kekuatan sesuatu kajian bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam kajian tersebut. Kajian yang efektif dapat dihasilkan melalui kaedah atau reka bentuk kajian yang dipilih, sama ada bersesuaian atau tidak dengan objektif kajian (Mohd Majid, 1998).

Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan objektif dan permasalahan kajian, kaedah tinjauan dari jenis kuantitatif telah dipilih sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini dilakukan melalui tiga langkah utama. Langkah pertama merupakan penerokaan literatur dan diikuti dengan pengumpulan maklumat sebagai langkah kedua. Langkah terakhir pula adalah analisis maklumat. Bagi menggambarkan reka bentuk ini, Rajah 1 menunjukkan setiap langkah yang mengandungi objektif dan teknik yang perlu dilakukan bagi memenuhi kehendak kajian.



Rajah 1 Strategi Pelaksanaan Kajian

Langkah 1: Penerokaan Literatur

Pada peringkat pertama, pelbagai literatur telah ditinjau dan diringkaskan untuk mendapatkan kefahaman mengenai isu dan cabaran penerapan NM yang berlaku dikalangan guru dan pelajar. Berdasarkan maklumat awal yang dikumpulkan dari tinjauan literatur tersebut, maka instrumen soal selidik yang bersesuaian telah dibina. Instrumen ini telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang digariskan dalam objektif kajian. Instrumen soal selidik ini diedarkan kepada guru KBD yang merupakan pakar dalam bidang Usul al-Din dari beberapa buah SABK di daerah Kuala Kangsar. Dengan itu, jadual 1 menunjukkan item-item yang diajukan kepada mereka bagi menjawab persoalan kajian ini.

Jadual 1 Item Soal Selidik (tidak termasuk demografi)

Bil	Item
S 1	Saya berpendapat isu penerapan nilai murni dalam KBD yang sangat perlu diambil perhatian adalah:
	a. Guru-guru KBD kurang diberi pendedahan yang komprehensif mengenai kaedah penerapan nilai murni yang selari dengan FPK.
	b. Buku teks yang disediakan kurang mengaitkan isi pelajaran dengan nilai murni secara eksplisit (jelas).
	c. Kemudahan infrastruktur di sekolah masih mempunyai kekurangan dalam menyokong aktiviti penerapan nilai murni.
	d. Bahasa Arab yang digunakan dalam buku teks (Usul al-Din) berkaitan dengan nilai murni kurang menepati aras kefahaman pelajar.
	e. Para pelajar sendiri tidak dapat menghayati dengan baik nilai murni dalam amalan seharian mereka.
S 2	Banyak pendedahan mengenai ilmu penerapan nilai murni saya perolehi:
	a. ketika berkursus di Institut Pendidikan Guru lagi
	b. ketika berkursus di sekolah dengan anjuran PPD atau JPN
	c. melalui perkongsian LADAP yang diadakan di sekolah
	d. memang menguasainya secara sendiri walaupun tidak diberi pendedahan yang lengkap
	e. hanya tahu sedikit sahaja tentang perkara ini
	f. tidak tahu langsung tentang perkara ini
S 3	Saya berpendapat bahawa guru-guru perlu diberikan sumber rujukan berautoriti yang menghuraikan dengan jelas mengenai maklumat 16 nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam PdP:
S 4	KBD sangat kaya dengan nilai murni, tetapi adalah lebih baik nilai murni tersebut diklasifikasikan dengan jelas (cth: gunakan nota kaki) dalam buku teks (Usul al-Din) yang diajar agar selari dengan 16 nilai murni yang digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK).
S 5	Kemudahan infrastruktur sekolah perlu ditambah baik bagi menyokong penerapan nilai-nilai murni yang telah digariskan
S 6	Aras penggunaan Bahasa Arab dalam buku teks (usul al-Din) perlu ditambah baik lagi mengikut aras kemampuan pelajar Malaysia agar dapat menyerap nilai murni dalam pelajaran tersebut.
S 7	Saya yakin bahawa masalah salah laku yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah berpunca dari kurangnya penghayatan nilai murni.
S 8	Pelajar-pelajar saya masih lagi banyak melakukan salah laku dalam amalan seharian mereka
S 9	Saya berpendapat bahawa faktor penerapan nilai murni yang paling mempengaruhi pelajar saya adalah melalui:
	a. Pendidikan di sekolah terutama pada subjek-subjek agama seperti Usul al-din, KBD
	b. Didikan ibubapa
	c. Tauladan yang baik dari masyarakat
	d. Tauladan yang baik dari televisyen
	e. Tauladan yang baik dari media sosial
	f. Pembacaan sendiri

Soal selidik ini dibina berdasarkan kajian literatur dan temubual bersama beberapa orang guru pakar. Bagi memastikan instrumen soal selidik ini mempunyai kesahan yang baik, pengkaji mendapatkan tiga orang pakar untuk mendapatkan kesahan isi kandungan dan seorang pakar untuk kesahan bahasa. Kemudian bagi memastikan instrumen ini dapat dijawab dan difahami dengan baik oleh responden kajian sebenar, pengkaji mendapatkan dua orang responden untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu sebagai ujian awal sebelum diedarkan kepada responden sebenar (Shelby et al., 1982). Hasil dari proses kesahan ini, penyelidik membuat beberapa pembetulan dari segi bahasa dan dari segi isi kandungan soalan.

Set soalan kaji selidik ini mengandungi dua bahagian utama yang berjumlah sebelas soalan kesemuanya. Bahagian A mengandungi dua soalan berkaitan maklumat demografi responden seperti jantina dan pengalaman mengajar. Manakala bahagian B adalah mengenai isu dan cabaran semasa penerapan NM dalam mata pelajaran Usul al-Din, KBD. Pengkaji meletakkan lapan soalan bagi menjawab persoalan ini. Di samping itu, terdapat satu soalan mengenai faktor yang paling mempengaruhi penerapan NM pelajar. *Sila rujuk jadual 1.*

Langkah 2: Pengumpulan Maklumat

Kajian awal ini telah dijalankan terhadap lima buah sekolah terpilih di daerah Kuala Kangsar iaitu melibatkan SABK 1, SABK 2, SABK 3, SABK 4 dan SABK 5. Jumlah populasi guru di sekolah-sekolah tersebut adalah seramai 187 orang. Menurut Shelby et al., (1982), sampel minimum bagi melakukan kajian awal adalah seramai 30 orang. Namun pengkaji melakukan kajian ini terhadap 34 orang guru sebagai sampel kajian. Oleh kerana, kajian ini dilakukan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka aplikasi *Microsoft Form* telah digunakan untuk pembinaan soal selidik. Kemudiannya diedarkan kepada guru melalui aplikasi *telegram*.

Pengkaji memberi tempoh masa selama dua minggu bagi guru-guru KBD terbabit mengambil bahagian dalam menjawab soalan soal selidik ini secara sukarela. Hanya guru-guru Usul al-Din sahaja dipelawa untuk menjawab soal selidik ini. Justifikasi pemilihan mata pelajaran Usul al-Din adalah kerana bidang tersebut merupakan mata pelajaran utama dalam Pendidikan Islam. Komponen al-Quran dan Hadis di dalamnya merupakan sumber agama dan kaya dengan NM Islam sesuai dengan tajuk kajian ini. Kesemua guru yang menjawab soal selidik ini terdiri dari guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun. Menurut (Berliner, 2004) guru yang telah berkhidmat antara lima hingga sepuluh tahun boleh dikategorikan sebagai guru pakar. Setelah tamat tempoh masa dua minggu yang ditetapkan dan jumlah responden yang diperlukan telah melepasi kadar minimum yang empirikal bagi sampel kajian, maka instrumen dikumpulkan dan sedia untuk dianalisis.


Langkah 3: Keperluan Analisis

Instrumen soal selidik guru yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan dan peratus. Ini disebabkan kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap isu dan cabarannya. Di samping itu, bertujuan mendapatkan jawapan kepada faktor utama yang mempengaruhi NM pelajar. Dapatan ini dibincangkan bersama dapatan tinjauan dokumen dan pemerhatian.

Hasil Analisis

Keutamaan Isu-isu Penerapan NM dalam Usul al-Din

Pada bahagian ini, hasil analisis menunjukkan keutamaan isu-isu yang wujud mengenai aspek-aspek tertentu dalam menerapkan NM melalui mata pelajaran Usul al-Din. Responden memberikan hasil maklum balas sebagaimana rajah 2 berikut:




Rajah 2 Keutamaan Isu-isu Penerapan NM dalam Usul al-Din berdasarkan Peratus Persetujuan

Ringkasan dari isu-isu yang dianalisis, data menunjukkan keutamaan persetujuan guru (*setuju dan sangat setuju*) bermula dari *Isu Kurang Pendedahan Guru mengenai Kaedah Penerapan NM* berada pada kedudukan pertama (100%). Persetujuan guru terhadap *Isu Kelemahan Buku Teks yang Kurang Dikaitkan dengan NM secara Eksplisit* berada pada kedudukan kedua (97%). Kemudian, persetujuan guru terhadap *Isu Kelemahan Infrastruktur dalam Menyokong Aktiviti Penerapan NM* berada pada kedudukan ketiga (90.9%). Seterusnya, persetujuan guru terhadap *Isu Ketidaksesuaian Aras Bahasa Arab dalam Buku Teks berkait dengan NM* berada pada kedudukan keempat (84.8%). Akhir sekali, persetujuan guru terhadap *Isu Kelemahan Pelajar dalam Menghayati NM dalam Amalan Sehari-hari* berada pada kedudukan kelima (84.4%).

Urutan Spektrum Pendedahan Guru Mengenai Penerapan NM

Seterusnya, bagi kategori pendedahan guru mengenai penerapan NM dalam mata pelajaran Usul al-Din, hasil analisis menunjukkan urutan spektrum pendedahan NM guru seperti rajah 3 di bawah:


Rajah 3 Urutan Peratus Pendedahan Guru Usul al-Din Mengenai Penerapan NM



Berdasarkan dapatan yang dipaparkan, urutan tertinggi pendedahan guru mengenai penerapan NM banyak diperolehi *ketika berkursus di Institut Pendidikan Guru (IPG) lagi*. Ia berada pada kedudukan yang pertama sebanyak 67%. Ini diikuti guru *menguasai NM secara sendiri kerana tidak diberi pendedahan dengan baik* pula berada pada kedudukan yang kedua iaitu 15%. Kemudian, pendedahan NM guru diperolehi pula *melalui perkongsian kursus LADAP yang diadakan di sekolah* iaitu pada kedudukan ketiga sebanyak 10%. Seterusnya, pendedahan ini diperolehi pula *ketika berkursus di sekolah melalui anjuran PPD atau JPN* iaitu pada kedudukan keempat sebanyak 8%. Akhir sekali, tiada guru Usul al-Din yang mempunyai sedikit pengetahuan tentang perkara ini.

Penyediaan Sumber Rujukan Berautoriti Mengenai Maklumat 16 NM

Bagi penyediaan sumber rujukan yang berautoriti mengenai maklumat 16 NM untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran mereka, hasil analisis memaparkan dapatan yang positif tentang keperluannya seperti rajah 4.




Rajah 4 Kadar Keperluan Penyediaan Sumber Rujukan Berautoriti tentang Maklumat 16 NM.

Menerusi analisis yang tertera, guru sangat bersetuju (61.7%) dan bersetuju (35.3%) dengan penyediaan sumber rujukan berautoriti yang menghuraikan dengan jelas maklumat 16 NM bagi memudahkan proses pengajaran mereka. Hanya 2.94% sahaja guru yang kurang bersetuju dengan penyediaan rujukan ini. Tiada guru yang tidak bersetuju dengan hal ini.

Pengklasifikasian NM Secara Eksplisit dalam Buku Teks

Seterusnya mengenai keperluan mengklasifikasikan NM secara eksplisit dalam buku teks Usul al-Din, hasil analisis menunjukkan dapatan seperti rajah 5:




Rajah 5 Peratus Keperluan Mengklasifikasikan NM dalam Buku Teks Usul al-Din.

Berdasarkan analisis ini, guru sangat bersetuju (62%) dan bersetuju (35%) dengan keperluan klasifikasi NM dalam buku teks Usul al-Din, KBD secara eksplisit bagi memudahkan mereka merujuk ketika proses pengajaran mereka. Hanya 3% sahaja guru yang kurang bersetuju klasifikasi NM ini. Tiada guru yang tidak bersetuju dengan hal ini.

Keperluan Menambahbaik Infrastruktur bagi Menyokong Penerapan NM

Seterusnya, berhubung keperluan menambahbaik infrastruktur bagi menyokong penerapan NM dalam pengajaran guru, hasil analisis menunjukkan persetujuan guru sebagaimana dapatan yang ditunjukkan dalam rajah 6 berikut




Rajah 6 Peratus Keperluan Menambahbaik Infrastruktur bagi Membantu Penerapan NM

Berpandukan dapatan analisis ini, guru sangat bersetuju (53%) dan bersetuju (38%) dengan penambahbaikan infrastruktur bagi menyokong proses pengajaran yang menerapkan NM. Hanya 9% sahaja guru yang kurang bersetuju dengan penambahbaikan infrastruktur ini. Tiada guru yang tidak bersetuju dengan hal ini.

Pengaruh Bahasa Arab dalam Penerapan NM buku teks Usul al-Din

Selain itu, mengenai penggunaan Bahasa Arab dalam buku teks Usul al-Din yang boleh mempengaruhi penerapan NM dalam proses pengajaran, hasil analisis memaparkan dapatan seperti rajah 7 berikut:




Rajah 7 Peratus Pengaruh Bahasa Arab dalam Menerapkan NM melalui Buku Teks Usul al-Din


Ringkasan dari analisis di atas, guru sangat bersetuju (53%) dan bersetuju (32%) bahawa Bahasa Arab mempunyai pengaruh dalam mengukuhkan atau melemahkan proses menerapkan NM. Hanya 15% sahaja guru yang kurang bersetuju dengan pengaruh Bahasa Arab dalam menerapkan NM ini. Tiada guru yang tidak bersetuju dengan hal ini.

Masalah Salah Laku Berpunca dari Kurangnya Penghayatan NM

Seterusnya, mengenai masalah salah laku yang berlaku di sekolah adalah berpunca dari kurangnya penghayatan NM dalam kalangan pelajar, hasil analisis menunjukkan dapatan yang diperolehi adalah sebagaimana rajah 8 berikut. Di samping itu, para pelajar masih melakukan salah laku dalam amalan harian mereka seperti yang dipaparkan pada rajah 9:



Rajah 8 Peratus Masalah Salah Laku Berpunca dari Kurangnya Penghayatan NM




Rajah 9 Peratus Pelajar yang Masih Banyak Melakukan Salah Laku dalam Amalan Harian

Secara ringkasnya, guru sangat bersetuju (56%) dan bersetuju (38%) bahawa masalah salah laku yang berlaku di sekolah adalah berpunca dari kurangnya penghayatan NM dalam kalangan pelajar. Hanya 6% sahaja guru yang kurang bersetuju bahawa kurangnya penghayatan

NM sebagai punca masalah salah laku ini. Tiada guru yang tidak bersetuju dengan hal ini. Di samping itu, guru sangat bersetuju (6%) dan bersetuju (41%) bahawa terdapat pelajar yang masih banyak melakukan salah laku dalam amalan harian mereka. Manakala, 25% guru yang kurang bersetuju bahawa pelajar mereka melakukan banyak salah laku dalam amalan harian mereka. Kemudian, 28% guru lagi tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut terhadap pelajar mereka.

Faktor Penerapan NM yang Paling Mempengaruhi Pelajar

Akhir sekali adalah mengenai faktor penerapan NM yang paling mempengaruhi pelajar yang mana hasil analisisnya memaparkan dapatan seperti rajah 10 berikut:



Rajah 10 Peratus Faktor Penerapan NM yang Paling Mempengaruhi Pelajar

Rumusan dari segi faktor penerapan NM yang paling mempengaruhi pelajar, data menunjukkan *didikan ibubapa* menjuarai tempat yang pertama iaitu sebanyak 24%. Faktor kedua tertinggi pula adalah dari *pendidikan di sekolah terutama melalui subjek-subjek agama seperti Usul al-Din* iaitu sebanyak 23%. Kemudian, faktor ketiga adalah melalui *teladan yang baik dari masyarakat* iaitu sebanyak 17%. Seterusnya, faktor keempat yang disumbangkan oleh *teladan yang baik dari media sosial* iaitu sebanyak 14%. Manakala, faktor kelima adalah dari *penyerapan sendiri pelajar* (melalui inisiatif pembacaan, pendengaran atau sebarang aktiviti sendiri pelajar terbabit) iaitu sebanyak 12%. Akhir sekali, faktor yang keenam iaitu disumbangkan oleh *teladan yang baik melalui saluran televisyen* iaitu sebanyak 10%.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan keseluruhan analisis, isu utama yang dihadapi oleh guru Usul al-Din adalah kurang pendedahan mengenai pendidikan NM. Ini merupakan tamparan hebat kepada pemegang taruh kerana dapatan ini sudah pastinya boleh menjejaskan proses penanaman nilai dalam kalangan pelajar. Mana mungkin guru yang dipertanggungjawabkan untuk menyemai NM terhadap para pelajarnya, tetapi kurang pendedahan tentang ilmu pendidikan nilai itu sendiri. Sedangkan, peranan mendidik nilai bukan sekadar tentang pengetahuan nilai semata-mata tetapi penguasaan strategi menerapkan nilai juga. Peranan ini jelas ditekankan oleh Allah S.W.T melalui surah al-Jum'ah ayat 2. Ia perlu dimainkan oleh guru secara peribadi dan kolektif melalui persekitaran sekolah yang baik agar dapat membentuk pelajar yang berakhlak dan mengamalkan budaya yang mulia (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Kerana itu, guru-guru sewajarnya mempunyai kesedaran, kesediaan dan kefahaman mengenai peri pentingnya tanggungjawab menerapkan NM sebagaimana yang dikehendaki oleh KPM (Alias Azhar et al., 2021). Tanpa komitmen, dedikasi serta budaya yang dimainkan oleh guru di sekolah, agenda FPK sukar direalisasikan (Mohammad Khairi Othman et al., 2010).

Berdasarkan tinjauan ini juga, majoriti guru (67%) menerima pendedahan mengenai pendidikan NM ketika mereka berkursus di IPG. Namun, pendedahan yang diberikan ini masih tidak mencukupi memandangkan isu kurang pendedahan ini tetap dibangkitkan sebagai isu utama. Ini disokong oleh 15% guru yang terpaksa mengambil inisiatif sendiri meningkatkan kompetensi diri mengenai hal ini. Ini kerana, guru merasakan pendedahan yang diberikan tidak mencukupi. Dapatan ini selari dengan kajian Balqis Abdul Wahid & Mohd Izham Mohd Hamzah (2023) yang mana guru terpaksa mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan kompetensi NM disebabkan kurangnya pendedahan sistematik. Meskipun terdapat wacana lain yang disertai guru melalui perkongsian kursus LADAP, kursus anjuran PPD dan JPN, tetapi isu ini tetap dibangkitkan. Ini bermakna, pendedahan yang lebih komprehensif, sistematik serta berterusan perlu dijalankan. Ini bertepatan dengan pandangan Guskey (2002) dan Avalos (2011) yang menegaskan bahawa perlunya *Continuous Professional Development (CPD)* yang lebih berstruktur dan berterusan kepada guru.

Selain dari pendedahan kursus yang berterusan dan sistematik, sumber rujukan yang berkualiti juga perlu disediakan oleh pihak berkepentingan. Ini berdasarkan sorotan literatur dan pemerhatian yang dilakukan, sukar ditemui satu rujukan yang tersedia di sekolah untuk dijadikan panduan kepada para guru sebagai rujukan berautoriti dalam menerapkan NM. Pengkaji menjumpai beberapa buku panduan lama tetapi agak sukar diperoleh meskipun melalui capaian internet. Terdapat juga buku berkaitan yang diterbitkan tetapi hanya boleh diperoleh di Perpustakaan Negara. Buku-buku ini didapati sukar untuk diperolehi oleh warga pendidik dan ia diterbitkan pada tahun yang telah lama. Pendekatan dan isi kandungan yang digunakan juga tidak dikemaskini. Oleh itu, para guru di sekolah memerlukan kepada sumber rujukan yang terkini dan tersedia untuk dirujuk. Tinjauan kajian ini juga menunjukkan majoriti guru (97%) bersetuju dengan perlunya pihak berwajib menyediakan sumber rujukan yang berkualiti dan berautoriti. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Nur Hanani Hussin & Ab. Halim bin Tamuri (2017), Ball & Cohen, (1999) dan Moodley (2020).

Merujuk kepada keperluan klasifikasi NM dalam buku teks Usul al-Din secara eksplisit, sebahagian besar guru (98%) sangat mengalu-alukan penambahbaikan pada aspek tersebut. Ini penting bagi memudahkan para guru membuat rujukan ketika PdPc yang dijalankan. Pada masa yang sama, para pelajar juga dapat merujuk sendiri dan memahami secara jelas konsep NM yang dihayati. Jika tidak, mereka mungkin menghayati nilai secara afektif tetapi dibimbangi gagal memahami nilai secara kognitif dan betul. Ini selari dengan pandangan Veugelers, (2000) yang menyatakan pelajar mungkin beranggapan bahawa semua nilai adalah sama. Sebaliknya, pelajar yang diberikan penjelasan nilai akan menjadikannya lebih terarah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Di samping itu, mereka dapat mengetahui maklumat berguna mengenai kesan dan akibat jika mengabaikannya (Noor Lela Ahmad, 2008).

Selain itu, bagi melancarkan proses penerapan NM melalui PdPc yang dijalankan, peranan infrastruktur dalam menyokong proses ini sangat penting. Perkara ini selari dengan hasil kajian Mohd Lukman Daud & Norhafizah Musa (2019) yang menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur perlu dipertingkatkan supaya PdPc dapat menghasilkan kesan yang baik. Bahkan, Wan Syazzawani Wan Omar (2020) mencadangkan agar, bukan sahaja aspek kemudahan infrastruktur yang perlu dititikberatkan, tetapi aspek penyelenggaraan juga perlu diberikan perhatian. Meskipun begitu, perkara ini telah menjadi isu ketiga terbesar (90.9%) dalam tinjauan ini, iaitu guru merasakan infrastruktur di sekolah mereka berada dalam keadaan yang lemah. Jika perkara ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh menjejaskan proses penerapan NM terhadap pelajar. Oleh kerana itu, para guru bersetuju (91%) supaya infrastruktur yang digunakan untuk menyokong proses penerapan nilai di sekolah dapat ditambahbaik.

Seterusnya, oleh kerana bahasa yang digunakan pada bahan sumber sokongan bagi mata pelajaran Usul al-Din adalah Bahasa Arab. Kefahaman dan penghayatan NM pelajar yang membaca sumber sokongan ini bergantung kepada kemampuan mereka dalam menguasai kemahiran bahasa kedua tersebut, khususnya laras bahasa yang digunakan. Justeru, perbincangan ini cuba meninjau pengaruh laras Bahasa Arab terhadap interaksi kesan NM dalam buku teks terhadap pelajar. Ini kerana, laras bahasa Arab boleh memberikan kesan tidak langsung antara penerapan NM guru (pemboleh ubah tidak bersandar) terhadap penghayatan NM pelajar (pemboleh ubah bersandar) sebagaimana yang dinyatakan oleh Baron & Kenny (1986). Berdasarkan tinjauan awal ini, majoriti guru (85%) bersetuju Bahasa Arab mempunyai pengaruh dalam mengukuhkan atau melemahkan proses menerapkan NM. Ini selari dengan kajian Mohd Fadzli Ismail & Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021) yang menyatakan laras buku teks yang kurang baik memberikan pengaruh terhadap kebolehbacaan teks seseorang. Ini sekaligus merencatkan kefahaman dan penghayatan nilai pelajar melalui bacaan dari buku teks yang disediakan.

Berdasarkan isu-isu tersebut, ia mempunyai kebarangkalian dalam memberikan kesan yang negatif kepada penghayatan NM pelajar. Antara kesan negatif tersebut, timbulnya banyak masalah salah laku dalam kalangan pelajar, sekaligus menjadi cabaran besar kepada guru. Penyataan ini disokong oleh majoriti guru (94%) yang bersetuju bahawa masalah laku yang berlaku adalah berpunca dari kurangnya penghayatan NM dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini juga telah meninjau mengenai kadar salah laku yang berlaku menurut pandangan guru Usul al-Din. Hasil tinjauan mendapati, ramai dalam kalangan guru (47%) mengakui bahawa terdapat pelajar yang masih banyak melakukan salah laku dalam amalan harian mereka. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Noraniza Mohd Nor & Syed Mohamad Syed Abdullah

(2021) di SMA yang menunjukkan tingkah laku agresif pelajar pada tahap yang sederhana dan paling dominan adalah dari jenis keagresifan fizikal.

Akhir sekali, umum mengetahui bahawa penyerapan nilai dari pelajar boleh disebabkan pelbagai faktor. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang menjadi pengaruh utama dalam penyerapan nilai para pelajar ini. Maka berdasarkan tinjauan yang dilakukan, faktor *didikan ibubapa* menjuarai tempat yang pertama (24%). Ini menunjukkan betapa besarnya peranan ibubapa di rumah dalam membentuk perwatakan mulia anak-anak sekaligus mengekang amalan salah laku dalam kehidupan mereka. Namun, faktor kedua tertinggi (23%) pula adalah dari *pendidikan di sekolah terutama melalui subjek-subjek agama seperti Usul al-din*. Inilah yang menjadi fokus utama kajian ini dan ia merupakan peranan dan tanggungjawab besar para guru agama. Dengan itu, tidak syak lagi, peranan ini perlu digalas dengan penuh tanggungjawab oleh para guru Usul al-Din. Para guru perlu sentiasa berpegang kepada prinsip *al-Qawiy* (kekuatan dari segi kompetensi) dan *al-Amanah* (amanah) sebagaimana yang dianjurkan dalam surah al-Qasas ayat 26. Ini kerana, pendidikan nilai yang dijalankan di sekolah adalah lebih berkesan disebabkan oleh pendidikan yang dilaksanakan berlaku secara formal dan sistematik (Abd Rahim Abd Rashid, 2001).

Kesimpulan

Kajian ini telah membongkarkan satu jurang kritikal dalam ekosistem pendidikan nilai di Malaysia, khususnya dalam konteks subjek Usul al-Din. Kegagalan memberi pendedahan komprehensif kepada guru mengenai pendidikan NM bukan sahaja menjejaskan kapasiti guru sebagai agen pembentukan akhlak, malah berisiko merencatkan aspirasi besar Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Dapatan ini menunjukkan bahawa inisiatif pendedahan awal nilai di IPG semata-mata tidak memadai untuk melahirkan guru yang kompeten dan proaktif dalam mendidik nilai di peringkat sekolah.

Lebih membimbangkan, kelemahan sistem seperti ketiadaan sumber rujukan yang terkini, infrastruktur PdPc yang uzur, serta laras bahasa sumber yang tidak mesra pelajar telah mewujudkan *chain reaction* yang menghalang proses *internalisasi* nilai secara menyeluruh. Ia bukan sekadar isu teknikal PdPc, tetapi mencerminkan satu kelompangan dalam ekosistem pendidikan nilai yang memerlukan tindakan strategik segera oleh pihak berkepentingan. Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini mempertegaskan bahawa keberhasilan pendidikan NM tidak boleh bergantung semata-mata kepada faktor kurikulum dan bahan pengajaran semata-mata, tetapi perlu disokong oleh strategi pendedahan nilai yang bersifat holistik, sistematik dan berterusan. Justeru, kajian ini mencadangkan agar satu kerangka pembangunan profesional guru yang berfokuskan *Value-Based Pedagogical Competency (VBPC)* digubal sebagai pendekatan strategik jangka panjang.

Menyedari bahawa agenda pembentukan akhlak generasi muda adalah tanggungjawab kolektif, kajian ini menyeru agar KPM, IPG, dan JPN menggubal satu pelan tindakan menyeluruh yang melibatkan pembaharuan pada aspek latihan guru, penyediaan sumber rujukan yang berautoriti, serta penambahbaikan infrastruktur yang mesra nilai. Di samping itu, kajian penilaian yang komprehensif berasaskan nilai perlu dilaksanakan dari masa ke semasa. Hanya melalui pendekatan strategik dan kolaboratif, barulah aspirasi melahirkan pelajar yang berakhlak mulia mampu direalisasikan secara berkesan dan lestari.

Rujukan

- Abdul Aziz Rekan, Tengku Sarina Tengku Kasim, & Yusmini Md Yusoff. (2016). Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Pendidikan Alam Sekitar di Sekolah: Analisis Terhadap Adaptasi Pendekatan Integrasi Kurikulum Holistik. *Journal of Usul al-Din*. 44(1), 117-140. [https://doi.org/10.22452/Usul al-Din.vol44no1.5](https://doi.org/10.22452/Usul%20al-Din.vol44no1.5)
- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan; Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Othman, M. K. S. (2020). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi *Islāmiyyāt*. *International Journal of Islamic Studies*, 42(0), 13–20. <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1278>
- Alias Azhar, Shuhairimi Abdullah & Muhamad Khairi Othman. (2021). *Konsep dan Praktis Nilai-nilai Murni dalam Cerminan Kemanusiaan*. Penerbit Unimap.
- Astro Awani. (2016, September 6). *Video pelajar ditendang rakan di Sabah: Netizen persoal siapa bersalah* <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-pelajar-ditendang-rakan-di-sabah-netizen-persoal-siapa-bersalah-116105>
- Avalos, B. (2011). Teacher professional development in Teaching and Teacher Education over Ten Years. *Teaching and Teacher Education* 27 (1), 10-20. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Balqis Abdul Wahid & Mohd Izham Mohd Hamzah (2023). Pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan Dan Hubungannya Dengan Tahap Kompetensi Guru Sains Bukan Opsyen di Negeri Sembilan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM) ISSN (Online)*, 1(1) 12976-2634. <https://www.jppt.my/march2023/>
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*. 51(6), 1173-1182.
- Berliner, D. C. (2004). Expert teachers: Their characteristics, development and accomplishments. Dalam Departament de Didàctica de la Llengua, de la Literatura i de les Ciències Socials (Ed.), *De la teoria a l'aula: Formació del professorat en l'ensenyament de les ciències socials* (pp. 13-28). Universitat Autònoma de Barcelona.
- Berliner, R. (2004). The Near Impossibility of Testing For Teacher Quality. *Education Policy Studies Laboratory*. EPSL-0505-110-EPRU.
- Ball, D. L., & Cohen, D. K. (1999). Developing Practice, Developing Practitioners: Toward A Practice-Based Theory Of Professional Education. *Teaching as the Learning Profession: Handbook of Policy and Practice*, 1, 3-32.
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2024). *Children Statistics Malaysia 2024*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/children-statistics-malaysia-20244>
- Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli, Roslee Talip, Tan C.K, Bikar Singh S.S., Lee B. N., Rosy Talin, & Mad Noor Madjapuni. (2021). Pengaruh Pembangunan Penerapan Nilai dalam Pendidikan Abad Ke 21 Terhadap Pembentukan Sahsiah Murid Sekolah Kurang Murid (SKM) Luar Bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1). 119-127. ISSN 2504-8562. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.641>

- Farah Suhaidah Othman. (2016, November 30). Pelajar Tingkatan Satu Patah Tulang Rusuk dibuli Senior. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2016/11/218237/pelajar-tingkatan-satu-patah-tulang-rusuk-dibuli-senior>
- Guskey, T. R. (2002). Professional Development And Teacher Change. *Teachers and Teaching: theory and practice*, 8 (3), 381-391.
<http://dx.doi.org/10.1080/135406002100000512>
- Ikwan Lubis, Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail, & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). Dasar Falsafah dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 4 (1). 1-20. <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/70/70>
- Jessica, O. H. L, Abdul Hamid Moiden, Mohammad Daud Johari, Wong W. L., Rogis Baker, Noor Azmi Mohd Zainol, & Ahmad Azan Ridzuan. (2020). *Susila Dan Akhlak: Konsep Etika Dari Perspektif Tamadun India Dan Tamadun Islam*, 5, 691-697.
- Justin Zack. (2025, 21 Jun). *Viral Video of Bullying at School Prompts Police Investigation*. The Star. https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/21/viral-video-of-bullying-at-school-prompts-police-investigation?utm_source=chatgpt.com
- Kamarudin Salleh, & Yang Marya Abd Khahar, (2016) *Unsur-unsur persefahaman antara agama dalam kurikulum Pendidikan Islam dan Moral*. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 38 (2). pp. 111-120. ISSN 0216-5636. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/16920>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Buku Panduan Pengajaran Nilai Merentas Kurikulum* (ISBN 983-2717-70-1). Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Dasar Pembangunan Kurikulum Kebangsaan* (ISBN: 97896764200770). Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Teks Usul Al-Din Tingkatan 4*. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Khambali. (2020). Educational Objectives Based on Values of Revelation. *Ta'dib : Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 130–145. <https://doi.org/10.29313/tjpi.v9i1.6789>
- Liana Mat Nayan, Siti Suriani Othman, & Tiung, L. K. (2020). Pemilihan Peristiwa dalam Proses Pemberitaan. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 8. 95-105.
<https://doi.org/10.51200/jkob.vi.2616>
- Mohd Zulkifli Zainuddin. (2019, November 21). *10 pelajar ditahan buli kawan paksa siapkan kerja sekolah*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/630799/10-pelajar-ditahan-buli-kawan-paksa-siapkan-kerja-sekolah>
- Mohd Lukman Daud, & Norhafizah Musa. (2019). Kesediaan Guru-Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK) Daerah Kuala Kangsar Menggunakan ICT Dalam Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0. *Seminar Darulaman 2019 Peringkat Kebangsaan (SEDAR'19)*, 133-141.
- Mohd Fadzli Ismail & Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2021). The Relationship between Linguistic Features and Readability of Dini Integrated Curriculum Arabic Textbook in Government-Aided Religious School. *Islāmiyyāt*. 43(2) 2021: 117 - 129.
<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4302-10>

- Mohd Farhan Shah.(2023, 28 Nov). *Upward Trend Of Youths Turning To Crime And Vice*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/28/upward-trend-of-youths-turning-to-crime-and-vice>
- Mohammad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni : Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies II*, 117–130. <https://journalarticle.ukm.my/3396/>
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moodley, K., Callaghan, P., Fraser, W.J. et al. 2020, Factors enhancing mobile technology acceptance: A case study of 15 teachers in a Pretoria secondary school, *South African Journal of Education*, 40 (2), S1-S16., <https://doi.org/10.15700/saje.v40ns2a1791>.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, & Muhammad Amirul Mohd Nor. (2020). Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi. *Sains Insani*, 5 (1). 187-193. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.132>
- Muhammad Zaim. (2019). Tujuan Pendidikan Perspektif Al-Quran dan Hadits (Isu dan Strategi Pengembangan Pendidikan Islam). *Muslim Heritage*, 4 (2). 239-260 <https://doi.org/10.21154/muslimheritage.v4i2.1766>
- Nasarudin Desa @ Man et al. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal Al-Turath*, 3(1), 55–63. <https://journalarticle.ukm.my/15742/1/62-138-1-PB>.
- Nor Amalina Alias. (2020, January 9). *Kes buli di Machang: 4 remaja ditahan*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/533733/kes-buli-di-machang-4-remaja-ditahan>
- Noraniza Mohd Nor & Syed Mohamad Syed Abdullah. (2021). Tahap Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama. *MUADDIB Jurnal Penyelidikan*. 15, 95–104.
- Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan Penerapan Nilai Murni Guru Perakaunan dalam Pengajaran Prinsip Perakaunan*. Tesis Doktor Falsafah, Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurazidawati Mohamad Arsad, & Kamisah Osman. (2019). *Penerapan NM Melalui Interaksi T-A-M dan Kitaran Pengajaran 5E dalam Modul Tauhidik STEM Kids (Inculcation of Noble Values through T-A-M Interaction and 5E Teaching Cycle ... Penerapan NM Melalui Interaksi T-A-M dan Kitaran Pengajaran 5E dalam modul Tauhidik STEM Kids*. 44 (1(SI)). pp. 67-82. ISSN 0126-6020 / 2180-0782. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01SI-06>
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim bin Tamuri (2017). Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. 5 (2), 20-28. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/10222>
- Rosnijah Arolah & Adawiyah Ismail. (2019). Peranan guru pendidikan Islam membentuk akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah*, 11(1), 74–87. <https://journalarticle.ukm.my/13820/>
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, & Suziana Hanini Sulaiman, (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-NM Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International*

- Conference On Moslem Society 2016 : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).Bangi, 1980, 1–13.*
- Shelby D. H., Richard D. S. J. & James B. W. (1982). The Pretest in Survey Research: Issues and Preliminary Findings. *Journal of Marketing Research*, 19 (2), 269–273. <https://doi.org/10.2307/3151627>
- Shoba Karuppaya. (2007). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kemerosotan Disiplin di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor.* 1–25. <https://eprints.utm.my/6576/1/ShobaMFP2007>.
- Shuhada Abdul Kadir. (2022, 15 Mei). Tiga Pelajar Dakwa Dibuli Senior di Asrama Sekolah Menengah Agama. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-pelajar-dakwa-dibuli-senior-di-asrama-sekolah-menengah-agama-361524>.
- Sinar Daily (2022, 20 Dec). Worrying trend of juvenile crimes & free sex in Penang - Police.. *Sinar Daily*. <https://www.sinardaily.my/article/186766/malaysia/national/worrying-trend-of-juvenile-crimes-free-sex-in-penang---police>
- Siti Hajar Mohamad Yusoff, & Yahya Don. (2017). Kefungsian Keluarga dan Ketahanan Diri Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. *Proceedings Of The ICECRS*, 1 (1). 131-138 <https://doi.org/10.21070/piccrs.v1i1.589>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1980). *The Concept of Education in Islam, A Framework of Islamic Philosophy of Education*. Islamic Thought and Civilization (ISTAC)
- Veugelers, W. (2000). Different Ways of Teaching Values. *Educational Review*, 52(1). 37–46. <https://doi.org/10.1080/00131910097397>
- Wan Syazzawani Wan Omar, Intan Zurina Ahmad, & Nor Hasni Lizar. (2020). Persediaan Pensyarah Kolej Matrikulasi Pahang Menghadapi Norma Baharu Sesi PdP. *SEDAR`20*.
- Yeo, B. (2024, 22 Ogos). TI-Malaysia: Parents' Failure To Monitor Kids Among Reasons For Spike In Youth Crimes. *Focus Malaysia*. <https://focusmalaysia.my/ti-malaysia-parents-failure-to-monitor-kids-among-reasons-for-spike-in-youth-crimes/>
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohd Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, & Muhamad Faisal Ashaari. (2019). Senario pendidikan Islam dan Hala Tujunya dalam Sistem Pendidikan Malaysia. *Al-Hikmah*, 11 (2), 37–53. <https://doi.org/10.17576/alhikmah.2019.112/382>